

KUTKM lancar Program Khidmat Pensyarah

Archival News | Utusan Malaysia | 03/05/2003

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) baru-baru ini menganjurkan Program Khidmat Pensyarah KUTKM Bersama Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Negeri Melaka.

Program selama tiga hari itu dijalankan di kampus sementara KUTKM di Ayer Keroh Melaka melibatkan seramai 200 pelajar.

Program yang mengandungi dua sesi pelaksanaan menyertakan pelajar-pelajar dari tiga daerah utama di Melaka iaitu Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin.

Menurut Pengerusi program itu, Profesor Madya Dr. Zolkepli Buang, sesi pertama akan bermula pada 2 sehingga 4 Mei dan sementara sesi kedua pula ialah pada 9 hingga 11 Mei.

"Program ini mendapat sokongan dan sumbangan daripada Datuk Seri Ketua Menteri Melaka dan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri seperti Datuk Amid Nordin, Datuk Long Said dan Datuk Abbas," katanya.

Selain itu, turut memberi sokongan terhadap program tersebut ialah Pejabat Pendidikan Daerah.

Katanya, lazimnya program-program sebegini dijalankan oleh para pelajar dalam program khidmat masyarakat tetapi KUTKM pula melakukan pendekatan berbeza.

"Rasional memilih pensyarah bagi melaksanakan program ini adalah kerana kita merasakan mereka mempunyai kepakaran yang mencukupi bagi memotivasikan dan membimbing pelajar ke arah kecemerlangan," katanya.

Selain itu KUTKM, mahu menjadikan para pensyarah tersebut duta kecil. Ia sebagai salah satu usaha memperkenalkan KUTKM sebagai sebuah IPTA pertama yang sepenuhnya di negeri Melaka.

Melalui program tersebut, para pelajar yang majoritinya pelajar tingkatan empat akan didedahkan dengan pelbagai jenis kemahiran belajar dan berfikir yang penting di dalam menjadikan mereka pelajar yang cemerlang.

Pemilihan pelajar adalah berdasarkan latar belakang akademik yang sederhana.

"Mereka akan berpeluang mengalami suasana kehidupan di kampus universiti," katanya.

Sepanjang tempoh program itu berjalan, semua pelajar itu akan ditempatkan kolej kediaman yang ada di KUTKM.

"Kita berharap program ini akan dapat menyemarakkan semangat mereka

untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya memasuki universiti
kelak, ' ' ujarnya.

(Source : Utusan Malaysia)